

PM mahu kerjasama kaum terus diperkukuh

Um - 25/2/2007.

MELAKA 24 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerjasama dan perpaduan erat antara rakyat berbilang kaum serta agama diperkukuhkan lagi bagi menjamin kestabilan politik dan ekonomi pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, kerjasama serta perpaduan kaum itu lahir sejak negara mencapai kemerdekaan dan banyak menyumbang kepada kemajuan negara.

"Kerjasama ini lahir apabila kita mencapai kemerdekaan yang dilahirkan oleh masyarakat berbilang kaum, orang Melayu, India, Cina di bawah Parti Perikatan dan akhirnya kita menjadi bangsa yang maju pada hari ini," katanya pada majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina di Hang Tuah Mall di sini malam ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin berkenan berangkat merasmikan majlis tersebut yang dihadiri kira-kira 100,000 masyarakat berbilang kaum.


Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah turut berangkat ke majlis itu selain Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr. Rais Yatim; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Perdana Menteri berkata kestabilan politik dan keamanan yang dikecapi selama ini menjadikan Malaysia makmur termasuk memperlihatkan kedudukan ekonomi yang baik, saham meningkat, ringgit bertambah kukuh dan nilai dagangan berada di tahap melebihi satu trilion ringgit.

"Tingkatkan lagi kerjasama dan perpaduan, kita berharap negara akan bertumbuh maju dan rakyat hidup lebih senang mencari rezeki di negara yang aman," katanya.

Beliau berkata dengan kerjasama dan perpaduan yang erat itu, kerajaan dapat mengisi kemerdekaan dengan pelbagai projek pembangunan.

Dengan kerjasama yang erat antara kaum itu juga, Abdullah berkata seluruh masyarakat berbilang kaum dan berlainan agama



ABDULLAH Ahmad Badawi melihat replika mikrochip semasa melancarkan Projek Mikrochip Malaysia (MM Chip) sambil diperhatikan Mohd. Radzi Shekh Ahmad (belakang) dan Dr. Ahmed Tasir Lope Pihie (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. (Berita di muka 1)

telah tampil bersama-sama menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di beberapa negeri baru-baru ini.

Beliau berbangga dengan semangat yang ditunjukkan itu termasuk oleh badan swasta bagi meringankan penderitaan mangsa banjir tersebut.

Perdana Menteri juga berkata kepelbagaian kaum dan agama adalah tanda negara kaya

dengan kebudayaan serta kesenian rakyat.

Beliau berkata perayaan rakyat yang berbilang kaum itu dapat dirayakan bersama bagi melahirkan bangsa yang bersatu padu dengan kehidupan lebih harmoni.

Terdahulu, keberangkatan Seri Paduka Baginda diberi sambutan meriah penuh warna-warni termasuk tarian singa yang diiringi paluan gendang, persembahan kebudayaan

masyarakat Tionghua serta masyarakat lain termasuk Melayu, India dan Portugis.

Sambutan itu turut dimeriahkan dengan perarakan oleh kumpulan kebudayaan daripada masyarakat berbilang kaum di negeri ini, sepanjang 700 meter di Jalan Hang Tuah yang dihiasi berpuh-puluh tanglung berwarna merah.